



Artikel oleh:
ARIF MANDANGAN

Aktiviti Pelupusan Fail FSSA

Sepanjang November dan Disember 2014, satu aktiviti pelupusan fail FSSA telah dijalankan untuk fail dari tahun 1995 sehingga 2009 oleh kakitangan Pejabat Am FSSA. Aktiviti yang julung kali di adakan ini telah berjaya mengumpulkan sejumlah 351 fail untuk dilupuskan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara. Secara amnya, aktiviti pelupusan ini telah berjaya dan diharapkan agar ianya akan diteruskan secara konsisten pada masa akan datang demi pengurusan fail & rekod Fakulti yang lebih teratur, kemas dan terkini.